

Headline	TAKTIK ACAH KENAL		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	29
ArticleSize	209 cm <sup>2</sup>	Journalist	Muhaamad Hafis
PR Value	RM 24,700		



# TAKTIK ACAH KENAL

■ Suspek warga emas ditahan selepas habit empat kes samun

**Muhaamad Hafis Nawawi**  
cnews@NSTP.COM.MY

## Kulim

**S**eorang penjenayah berusia 60 tahun ditahan anggota Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang jam 5.45 petang kelmarin, selepas terbabit empat kes samun.

Taktik digunakan sebelum menyamun juga mudah iaitu berpura-pura mengenali mangsa dan menyamar sebagai pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau Jabatan Kerja Raya (JKR).

Ketua Polis Daerah Kulim Superintendant Ahmad Nasir Jaafar berkata, suspek mengajak mangsa menaiki Perodua Axianya dan dibawa ke lokasi tertentu sebelum disamun.

“Dalam kes terbaru 29 Oktober lalu, seorang wanita berusia 30-an yang

**“**  
Suspek mengaku terbabit dalam empat kes samun di sekitar Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan dan Kulim”

**Ahmad Nasir Jaafar**

menunggu bas berhampiran Kunci Rim bun, Sungai Ular didatangi suspek jam 10.40 pagi.

“Suspek memperkenalkan diri sebagai kakitangan JKR sebelum mempelawa wanita itu menumpang keretanya atas alasan menuju ke destinasi sama. Mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa mengikutnya.

“Sebaik tiba di depan sebuah farmasi, mangsa meminta suspek memberhentikan keretanya kerana mahu membeli ubat namun lelaki itu meneruskan perjalanan dengan memberi alasan adiknya menunggu

untuk dibawa ke klinik.

“Mangsa dibawa ke kawasan air terjun di Putih Junjong di sini, sebelum suspek mengunci kereta. Suspek mengacu pisau ke leher mangsa selain pemutar skru di pinggang,” katanya.

Ahmad Nasir berkata, suspek mengambil beg tangan dan seutas rantai tangan emas bersama wang RM150 selain telefon bimbit mangsa.

“Suspek turut mencabul mangsa sebelum mengantar wanita terbabit ke pekan Junjong. Mangsa kerugian RM1,600.

“Susulan laporan dibuat mangsa, kami mengesan suspek sebelum ditahan selain menyita Perodua Axianya semalam (kelmarin),” katanya.

Beliau berkata, suspek mengaku terbabit dalam empat kes samun di sekitar Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan dan Kulim.